

UUM/AA64/BH/10.01.2023/P:11(1-3)



KERATAN AKHBAR / NEWSPAPER CUTTING

Desa Pintar lonjak pembangunan sosioekonomi komuniti luar bandar

BH, 10/01/2023, m/s 11, (1-3) Komen tar

oleh Dr. Nor-Suzaili Sulaiman
bhrencana@bh.com.my

Boleh dikatakan, Bandar Pintar adalah satu konsep semakin difahami rakyat yang mana ia berakar umbi daripada pelaksanaan idea untuk pengurusan sumber dan alam bina lestari serta mesra pengguna.

Konsep ini dimajukan dengan perkembangan teknologi, membolehkan pelaksanaan lebih efisien dan menyeluruh bertujuan meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengurusan sesebuah bandar raya.

Bagaimanapun, tiada pihak yang secara 'hitam putih' memperkenalkan Desa Pintar pada era digital ini. Desa Pintar pula adalah konsep baharu pembangunan sosioekonomi di luar bandar, tetapi ia masih kurang dibahaskan.

Namun, Desa Pintar ini memainkan peranan penting bagi pembentukan dasar jitu bagaimana hendak membangunkan kawasan luar bandar secara efektif pada era dunia tanpa sempadan ini.

Secara praktiknya, Desa Pintar merujuk kepada penggunaan dan perluan teknologi dalam pembangunan luar bandar. Selain itu, ia boleh dikaitkan dengan idea pembangunan lestari dan penggunaan pintar menerusi galakan penggunaan strategi berinovasi di luar bandar.

Kedua-dua konsep, iaitu kelestarian dan Desa Pintar ini saling berkait sebagai antara strategi ampuh untuk meningkatkan kualiti kehidupan, ke-saksamaan dan petunjuk kemajuan sosioekonomi di luar bandar.

Ada beberapa komponen penting membangun-

kan Desa Pintar perlu diberi perhatian kerajaan antaranya teknologi, modal insan, sumber fizikal atau infrastruktur, perkhidmatan dan tadbir urus.

Aspek teknologi merangkumi penyediaan jalur lebar, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta teknologi data. Modal insan pula merujuk kepada penduduk di luar bandar yang ada itu,

terbabit secara langsung dalam pelaksanaan Desa Pintar. Penduduk terbabit perlu melalui proses pemindahan ilmu berkaitan secara konsisten dan berulang untuk memastikan kelestarian sesuatu gerakan pembangunan sosioekonomi aktiviti dapat diusahakan.

Selain itu, sokongan penuh amat diperlukan dalam penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan serta tadbir urus baik daripada agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab di kawasan luar bandar berkenaan.

Gerakan baharu untuk membangunkan

Pembangunan Desa Pintar ini adalah antara gerakan baharu perlu dilakukan supaya dapat mengimbangi pembangunan antara bandar dan luar bandar pada era ini, sehingga akhirnya membantu negara mencapai pembangunan secara holistic.

Sebelum ini, beberapa pendekatan, program dan strategi diwujudkan kerajaan bagi membangunkan kawasan luar bandar seperti FELDA, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGGAH), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEKEDAR), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) serta beberapa agensi lain.

Hari ini, peranan Desa Pintar masih berpaksi

kepada prinsip untuk meningkatkan sosioekonomi luar bandar, tetapi dengan pendekatan selari arus pemodenan. Bermakna, kemajuan ICT dan rangkaian teknologi di Desa Pintar perlu digandakan di luar bandar bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kritikal dan menjadikan operasi ekonomi tradisional lebih berinovasi.

Sebagai contoh, projek keusahawanan sosial di Desa Pintar diterajui komuniti luar bandar akan memanfaatkan kecekapan teknologi dalam membangunkan perkhidmatan inovatif dan akhirnya mengimbangi kemerosotan komuniti luar bandar.

Selain itu, teknologi ini juga dimanfaatkan untuk mengurangkan keberantungan terhadap kaedah tradisional dalam sektor pertanian. Oleh itu, usaha mewujudkan Desa Pintar berupaya merapatkan jurang digital dan paling penting meningkatkan kualiti kehidupan di luar bandar. Disamping itu, ia dilihat mampu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran komuniti luar bandar melalui pemindahan ilmu.

Penggunaan teknologi dalam sektor sosioekonomi di luar bandar bagi membangunkan Desa Pintar ini juga amat memerlukan sokongan, kerjasama dan pembabitan modal insan khasnya generasi muda.

Tidak dapat disangkal golongan ini lebih celik teknologi dalam mengendalikan perisian dan perkakas berteknologi tinggi. Ini secara langsung membuka peluang pekerjaan dan perniagaan kepada generasi muda.

Menerusi pelaksanaan Desa Pintar ini, ia diharapkan memperkasakan komuniti luar bandar dan mendukung pembangunan lestari serta menangani cabaran dan isu sosioekonomi, termasuk alam sekitar.